



PERMOHONAN PERMIT PEMASANGAN SEPANDUK DAN BUNTING

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Setiap pemasangan sepanduk/bunting mestilah mendapat kelulusan permit terlebih dahulu daripada MPTI. Kelulusan adalah secara serta-merta sekiranya mematuhi syarat-syarat.
- ii. Setiap permohonan mestilah menggunakan borang yang disediakan berserta perkara dan dokumen yang diperlukan seperti berikut :-
 - Lakaran visual bagi sepanduk/bunting dan satu salinan lesen perniagaan/premis/daftar syarikat.
 - Bagi permohonan bunting, pemohon perlu kemukakan satu contoh bunting yang berukuran 2 kaki X 6 kaki.
 - Surat kebenaran dari pemilik tanah/tapak/bangunan/tiang elektrik bagi permohonan selain dari tempat yang dibenarkan oleh pihak Majlis.
- iii. Nama syarikat pengiklanan dan no. telefon hendaklah diletakkan pada visual bunting tersebut.

2. PENGGUNAAN TULISAN DAN BENTUK LAKARAN

- i. Setiap paparan kain rentang/sepanduk/bunting mestilah menggunakan **BAHASA MALAYSIA** dan hendaklah dipastikan betul dari segi penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan, tatabahasa dan sebagainya mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di samping penggunaan bahasa-bahasa lain.

3. TEMPOH KELULUSAN / TEMPOH YANG DIBENARKAN

Sepanduk/Bunting	Lokasi	Tempoh Kelulusan
Sepanduk	Kerangka Majlis	2 Minggu
Sepanduk/bunting	Depan premis	1 Bulan
Bunting	Tiang Elektrik	2 Minggu

- i. Permohonan melanjutkan tempoh mestilah menggunakan borong permohonan seperti biasa dan mestilah dipohon 2 hari sebelum tamat tempoh sediada.
- ii. Tempoh dan kawasan pemasangan yang tidak dibenarkan :-
 - a) **Bulan Ogos (sempena Kemerdekaan) – 31hb Ogos Seminggu dan Bulan November (sempena Sambutan Hari Keputeraan Sultan Perak) – 4hb November**
2 minggu sebelum dan 2 minggu selepas di sekitar jalan-jalan protokol iaitu Jalan Sultan Abdullah, Jalan Changkat Jong hingga ke Simpang Selabak, Jalan Maharajalela hingga ke Batu 2 ½ dan kawasan Pusat Bandar.
 - b) Bulan-bulan yang ditetapkan oleh MPTI mengikut keperluan.
- iii. Semua sepanduk/bunting mestilah diturunkan oleh pemohon selepas tempoh kelulusan tamat (selewat-lewatnya 1 hari). Tindakan Undang-Undang akan diambil terhadap pemohon sekiranya gagal dan Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas pemasangan atau kehilangan sepanduk/bunting dikerangka atau di kawasan Majlis.

4. LOKASI PEMASANGAN / SYARAT-SYARAT PEMASANGAN

- i. Tempat-tempat yang disediakan oleh MPTI untuk menggantung sepanduk di kerangka besi MPTI adalah seperti berikut :-

- Jalan Selat
 - Jalan Mahkamah
 - Jalan Speedy (berhampiran Dewan Bandaran Teluk Intan)
 - Bandar Baru, Teluk Intan
 - Tapak Pasar Rabu Langkap
 - Tepi Gerai Simpang Empat(4) Hutan Melintang
 - Pekan Bagan Datoh
- ii. Permohonan bertanggungjawab untuk memastikan sepanduk/bunting diikat dan dipasang dengan kemas, seragam dan teratur serta tidak menghalang pandangan pengguna jalan raya. Pemohon bertanggungjawab menyelenggara pemasangan sepanduk/bunting sepanjang sah tempoh kelulusan. Penyitaan akan dibuat terhadap sepanduk/bunting yang tidak diselenggara dengan sempurna.
 - iii. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab ke atas kemalangan awam/lain-lain yang berlaku disebabkan pemasangan bunting oleh pihak tuan.
 - iv. Tuntutan cagaran/sitaan boleh dibuat dalam tempoh 3 hari waktu bekerja.
 - v. Sebarang risiko kecederaan atau sebagainya semasa kerja-kerja pemasangan dan sepanjang tempoh pemasangan sepanduk/bunting di kerangka besi MPTI/tiang elektrik akan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
 - vi. Pemasangan sepanduk/bunting juga dilarang dipasang di tiang yang berhampiran dengan lampu isyarat (sekurang-kurangnya perlu jarak 2 tiang dari tiang lampu isyarat) dan berhampiran dengan simpang jalan supaya tidak menghalang pandangan pengguna jalan raya.
 - vii. Bagi laluan protokol (Jln. Sultan Abdullah, Jln. Changkat Jong sehingga ke Simpang Selabak, Jln. Maharajalela sehingga ke Batu 2 ½ dan kawasan Pusat Bandar) pemasangan bunting di tiang lampu MPTI dibenarkan hanya **dua** bunting sahaja pada **satu** tiang dan diselang seli pada setiap satu tiang yang berikutnya.
 - viii. Pemasangan bunting di tiang elektrik hendaklah sekurang-kurangnya 6 kaki dari aras bumi.
 - ix. Ukuran bunting yang dipohon tidak boleh melebihi 2 kaki X 6 kaki.

5. KADAR BAYARAN

i.	Pemasangan bunting di tiang TNB sahaja (pemohon perlu mendapatkan pengesahan dan, Kebenaran pihak TNB jika menggunakan tiang TNB)	RM 4.00 / 2 Minggu
ii.	Pemasangan bunting di tiang lampu MPTI	RM 13.00 / 1 Bulan
iii.	Pemasangan sepanduk/bunting di hadapan premis	RM 18.00 / 1 Bulan
iv.	Pemasangan sepanduk di kerangka besi MPTI	RM 18.00 / 2 Minggu

- x. Bayaran cagaran akan dikenakan sebanyak 25% dari jumlah keseluruhan bayaran permit. Wang cagaran akan dikembalikan jika semua syarat kelulusan dan pemasangan iklan sementara dipatuhi sepenuhnya
- xi. Pihak Majlis tidak akan mengembalikan wang cagaran terhadap sepanduk/bunting yang tidak digantung dengan sempurna dan memasangnya di lokasi lain selain lokasi yang diluluskan dan diturunkan setelah tamat tempoh kelulusan dan pihak Majlis akan mengambil/menurunkan sepanduk/bunting tersebut. Tuntutan sepanduk/bunting yang telah diambil oleh pihak Majlis boleh dibuat dan pemohon akan dikenakan denda sebelum penyerahan sepanduk/bunting.
- xii. Sitaan akan dibuat sekiranya sepanduk/bunting yang dipasang tanpa kelulusan dari MPTI dan visual asal berbeza dari visual yang dipohon. Tuntutan sepanduk/bunting yang telah diambil oleh pihak Majlis boleh dibuat dan pemohon akan dikenakan denda sebelum penyerahan sepanduk/bunting.
- xiii. Dan hendaklah mematuhi arahan dan syarat-syarat tambahan MPTI dari masa ke semasa.



MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN
JALAN SPEEDY, 36000 TELUK INTAN
No. Tel. : 05-6221299 (4 Talian)
No. Fax : 05-6212446

MAKLUMAT PERMOHONAN

1. Nama Pemohon/Syarikat : _____
2. No. Kad Pengenalan/Pendaftaran Syarikat : _____
3. Alamat Surat Menyurat : _____

4. No. Telefon : _____
5. Tajuk/Kandungan Visual : _____
6. Ukuran/Saiz : _____ tidak melebihi 2 kaki X 6 kaki (Bunting sahaja).
Jumlah : _____
7. Tempoh Pemasangan Sepanduk/Banting :
 - 7.1. _____ hingga _____ (di depan premis)
 - 7.2. _____ hingga _____ (di kerangka MPTI)
 - 7.3. _____ hingga _____ (di tiang lampu)
8. Lokasi Cadangan Pemasangan Sepanduk Di Kerangka MPTI :
 - 8.1. _____
 - 8.2. _____
 - 8.3. _____
 - 8.4. _____

Tandatangan Pemohon

Jumlah Bayaran Permit : RM _____ Jumlah Bayaran Cagaran : RM _____

Pengesahan dan Kebenaran :

Kelulusan Jabatan :

Permohonan diluluskan / tidak diluluskan

(Ketua Jabatan Perkhidmatan Perbandaran)

Rekod Bayaran :

No Resit : _____

Tarikh : _____

Jumlah : _____